

Faktor Di Antara Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Ke Atas Penglibatan Para Pelajar Terhadap Aktiviti Pendidikan Luar-Satu Kajian Kes

Mohad Anizu Mohd Noor & Siti Salwa Mohamad
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Motivasi merujuk kepada tujuan untuk menggerakkan sesuatu dan keinginan aksi dalam aktiviti pendidikan luar. Oleh itu objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau dan mengenalpasti hubungan motivasi intrinsik dan ekstrinsik ke atas penglibatan para pelajar 1 SPS di UTM terhadap aktiviti pendidikan luar. Faktor-faktor yang dilihat dalam kajian ini adalah berkaitan samaada motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik di mana motivasi intrinsik merangkumi faktor-faktor seperti faktor sikap, kemahiran, minat, kecergasan dan keseronokkan. Manakala motivasi ekstrinsik pula merangkumi faktor-faktor seperti faktor popular, mobiliti sosial, kepujian, dorongan dan faktor ganjaran. Kajian ini penting kerana ia dapat membantu semua pihak terutamanya para pelajar, pihak pengurusan Fakulti Pendidikan dan pihak Kementerian Pelajaran untuk menghasilkan guru yang berkualiti dan bermotivasi tinggi dalam mengendalikan aktiviti pendidikan luar apabila mereka berada di sekolah kelak. Untuk tujuan kajian seramai 24 orang pelajar 1 SPS, UTM yang juga merupakan bakal guru merangkap sebagai jurulatih telah dipilih untuk dijadikan responden. Mereka dikehendaki menjawab soal selidik jenis Likert. Hasil keseluruhan dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS For Windows version 16.0 (Statistical Package For Science Social). Secara keseluruhannya dapatan kajian ini menunjukkan tahap faktor motivasi intrinsik adalah lebih berpengaruh berbanding dengan faktor motivasi ekstrinsik. Ini kerana perbezaan min di antara kedua-dua faktor motivasi tersebut adalah 0.8. Diharapkan pada masa akan datang masih ada ramai lagi pengkaji-pengkaji yang berminat untuk meneruskan kajian dalam bidang psikologi ini khususnya kajian dalam jenis motivasi. Semua pihak haruslah melihat kajian ini dari sudut positif dan sama-sama berganding bahu dan sedar akan tanggungjawab masing-masing bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara khususnya dalam bidang Pendidikan Jasmani, Pendidikan Luar dan Rekreasi di Negara ini supaya ianya setaraf pentingnya dengan bidang yang lain. Kesimpulan, faktor motivasi intrinsik lebih berpengaruh dari faktor motivasi ekstrinsik. Hal ini kerana mereka mempunyai pandangan yang positif untuk menambahkan ilmu pengetahuan tentang aktiviti pendidikan luar dari segi kemahiran dan secara tidak langsung mereka merasa cergas tanpa mengharapkan sebarang ganjaran yang lumayan supaya apabila menjadi guru dan jurulatih kelak mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Katakunci : motivasi intrinstik dan ekstrinstik, penglibatan pelajar

Pengenalan

Dewasa ini terdapat begitu banyak kegiatan bagi membentuk individu yang lengkap samada dari segi fizikal, mental, sosial dan rohani. Sukan adalah salah satu bidang yang dapat membantu memperlengkapkan individu agar menjadi insan yang berguna. Terdapat pelbagai jenis cabang sukan. Pendidikan luar merupakan salah satu cabang di mana ia terdiri daripada aktiviti-aktiviti berunsurkan sukan dan rekreasi seperti berkayak, berkhemah, mendaki gunung, dan sebagainya. Pendidikan luar dapat menyemai perasaan muhibah dan integrasi nasional dikalangan generasi muda. Pendidikan luar juga dapat menanam, memupuk dan memberi latihan awal dari aspek kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan.

Setiap individu tidak mungkin memperolehi pengalaman secara menyeluruh dengan semata-mata mengikuti pembelajaran di bilik darjah. Aktiviti pendidikan luar yang terancang bagi menyempurnakan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah memberi pengalaman pembelajaran melalui kegiatan sebenar di samping mengutamakan konsep peningkatan pengetahuan,

kemahiran, semangat bekerjasama dalam kumpulan, disiplin, keyakinan diri dan pengukuhan nilai-nilai murni yang membawa ke arah kecemerlangan individu. Penggunaan persekitaran sebagai "makmal hidup" membolehkan pelajar menjalani proses-proses seperti lawatan sambil belajar, lawatan ke taman atau hutan yang berdekatan dengan sekolah perkhemahan. Penyediaan aktiviti yang terancang membolehkan penyertaan aktif pelajar melalui kaedah pemerhatian, penyiasatan, penyelidikan, kerjasama, kesepaduan, meditasi dan kreativiti.

Pendidikan luar merupakan salah satu daripada pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang amat menarik dan berkesan jika dilaksanakan secara elektif dengan bijaksana. Pendekatan, pengolahan dan pengisian aktiviti secara teori dan praktikal akan membantu pelajar meneroka pengetahuan dan pengalaman baru. Alam semulajadi dan persekitaran merupakan makmal hidup yang di dalamnya terdapat pelbagai maklumat yang boleh memperkayakan lagi aspek kognitif, psikomotor dan efektif terutamanya apabila maklumat ini boleh digabungkan dengan pengetahuan dan amalan. Seterusnya pendidikan luar juga akan dapat memperkayakan lagi pengalaman dan memupuk nilai-nilai murni bagi melahirkan individu yang sihat serta mewujudkan toleransi dan keharmonian di kalangan masyarakat atau komuniti ke arah integrasi nasional. Hakikat di atas disokong oleh para cendekiawan berdasarkan pernyataan yang berikut.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan yang telah diuraikan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa pendidikan luar boleh didefinisikan sebagai satu kaedah gabungan antara pendidikan tradisional dan pendidikan moden untuk mewujudkan satu proses pengajaran dan pembelajaran yang meliputi domain kognitif, psikomotor dan afektif yang berkesan. Untuk tujuan ini persekitaran luar bilik darjah dijadikan sebagai makmal hidup bagi mendedahkan pelajar kepada situasi sebenar.

Pernyataan Masalah

Faridah Karim dan Mohamad Nor (1985), menyatakan sekolah-sekolah menghadapi masalah kekurangan guru-guru berkelayakan dan berminat dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum atau aktiviti luar bilik darjah. Menurut News Straits Times, Ogos 1985 melaporkan terdapat ramai guru wanita di sekolah-sekolah berbanding guru lelaki dan mereka ini tidak berminat dengan aktiviti luar bilik darjah tetapi terpaksa juga mengendalikan aktiviti tersebut. Tanpa minat sudah tentu tiada usaha akan dilakukan untuk menjalankan sesuatu kegiatan yang di luar naluri diri.

Dari sudut yang lain pula terdapat sesetengah pentadbir yang kurang arif tentang program pendidikan luar. Mereka tidak dapat melihat kepentingan program lantas kurang memberi komitmen yang sepenuhnya. Lebih sepuluh tahun yang lepas telah terdapat satu laporan yang menyatakan aktiviti kokurikulum khususnya gerak kerja luar bilik darjah kurang mendapat tempat yang sewajarnya berbanding dengan aspek kurikulum.

Kajian ini tertumpu kepada Faktor Di Antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Ke Atas Penglibatan Pelajar-Pelajar Tahun 1 Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan) (SPS) Dalam Menjalankan Aktiviti Kegiatan Luar Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor - satu kajian kes. Mereka terdiri daripada pelajar Tahun 1 Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan) (SPS), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji perhubungan di antara motivasi intrinsik dengan ekstrinsik dalam mempengaruhi pelajar-pelajar berkenaan melibatkan diri dalam aktiviti pendidikan luar. Motivasi mana yang lebih mempengaruhi mereka dalam penglibatan aktiviti kegiatan luar. Faktor dalaman atau motivasi intrinsik adalah motivasi yang lahir dalam diri seseorang dan merupakan penggerak utama bagi melakukan perkara-perkara kepentingan sendiri atau ganjaran bagi diri sendiri (Harter, 1982).

Melalui kesedaran ini seseorang pelajar Tahun 1 SPS akan menjuruskan diri mereka ke arah mana yang hendak di tuju. Faktor luaran atau motivasi ekstrinsik pula ialah motivasi yang datang dari luar yang berbentuk seperti pemberian ganjaran, hadiah, hukuman, ugutan, arahan, penghargaan dan pengiktirafan (Singer, 1984).

Faktor ini juga boleh mempengaruhi penglibatan para pelajar Tahun 1 SPS kepada kegiatan pendidikan luar. Selain itu persoalan lain yang boleh dikaitkan ialah faktor yang mempengaruhi prestasi memperlengkapkan diri memperolehi kepuasan kerja dalam profesyen kejurulatihan aktiviti pendidikan luar apabila mereka semua menjadi guru kelak. Adakah mereka menjalankan tanggungjawab dengan bersungguh-sungguh? Perkara ini ditimbulkan kerana tersiar di media cetak tentang beban kerja yang berat tetapi insentif yang diperolehi tidak padan dengan apa yang telah dilakukan. Di samping itu, aktiviti pendidikan luar ini juga sentiasa berhadapan dengan risiko yang tinggi untuk terlibat dalam kemalangan semasa melakukan aktiviti pendidikan luar yang berisiko tinggi seperti absailing, selam scuba, snorkeling dan sebagainya.

Objektif Kajian

1. Meninjau faktor motivasi intrinsik mempengaruhi penglibatan pelajar-pelajar Tahun 1 Program Sains Sukan terhadap aktiviti kegiatan luar.
2. Meninjau faktor motivasi ekstrinsik mempengaruhi penglibatan pelajar-pelajar Tahun 1 Program Sains Sukan terhadap aktiviti kegiatan luar.
3. Mengenalpasti faktor diantara motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi penglibatan Pelajar-Pelajar Tahun 1 Program Sains Sukan terhadap aktiviti kegiatan luar.

Kepentingan Kajian

Kepada Pelajar : Kajian ini bertujuan untuk mempengaruhi faktor-faktor penyertaan pelajar-pelajar Tahun 1 SPS yang bakal menjadi guru dalam menyertai aktiviti pendidikan luar.

Pihak Pengurusan Fakulti Pendidikan : Diharapkan hasil kajian ini dapat menjadi panduan kepada pihak pengurusan Fakulti Pendidikan dan pensyarah-pensyarah untuk mencari dan membentuk guru-guru yang berminat dan layak untuk menjadi jurulatih-jurulatih aktiviti pendidikan luar. Hasil kajian juga diharap dapat digunakan oleh pihak pengurusan Fakulti Pendidikan untuk memantapkan lagi ciri-ciri yang perlu ada pada semua jurulatih-jurulatih aktiviti pendidikan luar. Di samping itu pihak-pihak yang terlibat juga seharusnya tahu untuk merancang program yang lebih sesuai dan menarik agar dapat menambahkan lagi penyertaan guru-guru untuk menjadi jurulatih-jurulatih aktiviti pendidikan luar.

Pihak Kementerian Pendidikan : Hasil kajian ini juga dapat membantu kementerian untuk menghasilkan guru yang berkualiti tinggi dalam mengendalikan pendidikan luar apabila berada di sekolah.

Rekabentuk Kajian

Menurut Majid Konting (1990), reka bentuk kajian adalah teknik dan kaedah tertentu untuk memperolehi maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Kajian ini berbentuk deskriptif secara tinjauan yang menggunakan borang soal selidik untuk mengumpulkan maklumat. Data yang dikumpulkan akan dianalisis secara deskriptif dan inferensi.

Rekabentuk kajian deskriptif adalah melihat gambaran beberapa situasi antaranya untuk melihat dapatan secara kekerapan dan peratusan dan taburan min bagi pembolehubah bebas dan melihat dapatan secara terperinci. Kajian kolerasi pula adalah Faktor Di Antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Ke Atas Penglibatan Pelajar-Pelajar Tahun 1 Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan) (SPS) Dalam Menjalankan Aktiviti Kegiatan Luar Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor - satu kajian kes. Mereka terdiri daripada pelajar Tahun 1 Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan) (SPS), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor. Menurut Majid Konting (1990), kajian kolerasi merupakan kajian yang mengkaji perkaitan pembolehubah dan pengkaji juga dapat mengetahui dan menentukan variasi yang berlaku pada satu pembolehubah dan kaitannya dengan variasi yang berlaku pada satu

pembolehubah lain. Jelas beliau lagi kajian kolerasi amat popular dalam pengkajian dunia pendidikan. Tujuan kolerasi adalah untuk menyiasat setakat mana variasi dalam sesuatu faktor seimbang dengan variasi-variasi atau faktor-faktor lain berdasarkan kepada pekali kolerasi.

Menurut Mohd. Najib (2003), menyatakan bahawa pembolehubah adalah peristiwa atau objek yang dinilai yang boleh berubah-ubah. Pembolehubah bersandar adalah hasil yang diramalkan akibat sesuatu perubahan kejadian, manakala pembolehubah tak bersandar adalah tindakan atau kejadian yang mempengaruhi produk atau hasil. Dalam kajian ini pembolehubah bersandar ialah Penglibatan Para Pelajar 1 SPS Dalam Menjalankan Aktiviti Kegiatan Luar Di UTM, Skudai Johor Bahru dan pemboleh ubah tidak bersandar ialah motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

Kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk lapangan (field study). Kebaikan kajian adalah seperti berikut:

1. Ianya sesuai untuk mengetahui proses dan perubahan kehidupan seharian memandangkan ia dilakukan dalam persekitaran semulajadi.
2. Keadaan realistiknya menjadikan kajian lapangan dijalankan secara fleksibel, dinamik dan tidak statik. Kajian sedemikian membenarkan pembolehubah dimanipulasikan untuk mendapatkan keputusan secara empirikal.

Tujuan kajian adalah untuk mengkaji perkaitan Faktor Di Antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Ke Atas Penglibatan Para Pelajar 1 SPS Dalam Menjalankan Aktiviti Kegiatan Luar Di Pusat Ko Kurikulum, Johor Bahru- satu kajian kes. Alat kajian adalah terdiri daripada 27 item soalan. Kajian soal selidik ini mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A merupakan profil diri responden. Bahagian B merupakan soal selidik berkaitan dengan motivasi Intrinsik, manakala bahagian C merupakan soal selidik berkaitan dengan motivasi Ekstrinsik. Maklumat dan data populasi kajian dikumpulkan melalui borang soal selidik yang diedarkan.

Populasi Kajian

Menurut Mohd Najib (2003), populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Soal selidik adalah kaedah kajian yang paling popular, mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data yang senang diproses untuk dianalisis (Mohd. Najib, 2003).

Kajian soal selidik ini mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A merupakan profil diri pelajar. Bahagian B merupakan soal 38 selidik berkaitan dengan motivasi intrinsik, manakala bahagian C merupakan soal selidik berkaitan dengan motivasi ekstrinsik.

Sampel Kajian

Dalam kajian ini, sampel kajian terdiri daripada 24 orang pelajar yang merupakan pelajar Tahun 1 Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan) (SPS), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor. Kedua-dua jantina melibatkan diri di dalam kajian ini. Semua responden diminta mengisi borang soal selidik yang diedarkan oleh penyelidik. Semua responden dikehendaki melibatkan diri dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat yang penuh dan diharapkan tiada ralat persampelan akan berlaku.

Instrumen Kajian

Menurut Majid Konting (1998), alat ukur boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu konsep yang dikehendaki dalam sesuatu penyelidikan. Selain itu, sesuatu alat ukur yang digunakan mestilah dapat mengukur apa yang sepatutnya.

Instrumen kajian yang akan digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah soal selidik yang mengandungi faktor-faktor motivasi yang berdasarkan kajian oleh Gill, et. Al. (1983) dan kajian oleh Longhurst dan Spink (1987). Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan biodata responden.
2. Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan motivasi Intrinsik.
3. Bahagian C mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan motivasi Ekstrinsik

Setiap item soalan akan diubahsuai dengan diberikan skor mengikut Skala Pemeringkatan Likert dalam Majid Konting (1998).

Terdapat kebaikan menggunakan model ini di dalam pengukuran tinjauan. Kebaikannya ialah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi disebabkan ia mengandungi skala jawapan yang meluas seperti yang terdapat di dalam soal selidik yang dijawab oleh responden. Dengan menggunakan skala likert, penyelidik dapat mengukur tahap penglibatan jurulatih-jurulatih di dalam aktiviti pendidikan luar.

Kajian Rintis

Pengkaji membuat kajian rintis untuk menguji kebolehpercayaan alat yang dibina. Soal selidik diedarkan kepada 10 orang yang dipilih secara rawak yang terdiri daripada pelajar tahun 4 Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan), Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor dan mereka ini bukan terdiri daripada sampel sebenar kajian. Menurut Mohamad Najib (1999), sebelum melakukan kajian sebenar, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji.

Tujuan kajian Rintis dijalankan adalah untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan item-item soal selidik serta untuk memastikan item soal selidik benar-benar di fahami oleh sampel kajian yang sebenar nanti. Hasil daripada kajian rintis dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS For Windows version 16.0 (Statistical Package For Science Social) untuk melihat pekali kebolehpercayaan. Hasil daripada kajian rintis tersebut didapati bahawa secara keseluruhannya nilai pekali Alpha adalah 0.80 berada pada tahap boleh percayaan yang baik. Menurut Najib (1999), pekali Alpha Cronbach yang digunakan dalam kajian rintis seperti yang terdapat dalam rajah di bawah:

RAJAH 1 Pekali Alpha Cronbach

Markah	Tahap
0.0 – 0.2	Rendah – ubah semua item
0.2 – 0.8	Sederhana – ubah sebilangan item
0.8 – 1.0	Tinggi – item boleh diterima

Analisis Data

JADUAL 1 : Analisis Min dan Sisihan Piawai Bagi Melihat Perbezaan Pengaruh Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik Dalam Penglibatan Para Pelajar 1 SPS Terhadap Aktiviti Pendidikan Luar

Jenis Motivasi	Min	Sisihan piawai
Intrinsik	4.3	3.2
Ekstrinsik	3.5	2.8

Berdasarkan pada jadual 1 di atas, analisis menunjukkan min keseluruhan faktor motivasi intrinsik ialah bersamaan dengan 3.2 dan sisihan piawai pula bersamaan dengan 3.2. Manakala faktor bagi motivasi ekstrinsik pula min ialah bersamaan dengan 3.5 dan sisihan piawainya bersamaan

dengan 2.8. Ini menunjukkan bahawa motivasi intrinsik lebih mempengaruhi penglibatan para pelajar 1 SPS terhadap aktiviti pendidikan luar berbanding dengan motivasi ekstrinsik. Analisis kedua-dua skor menunjukkan perbezaan min yang diperolehi iaitu sebanyak 0.8.

Perbincangan Dapatan Kajian

Motivasi ekstrinsik Terdapat Lima faktor yang dikaji dalam motivasi ekstrinsik iaitu faktor popular, faktor mobiliti sosial, faktor dorongan, faktor ganjaran dan faktor pujian. Hasil kajian mendapati responden mempunyai pandangan bahawa hubungan motivasi ekstrinsik memberi pengaruh yang sederhana kepada mereka terhadap aktiviti pendidikan luar. Tahap hubungan motivasi ekstrinsik kurang mempengaruhi responden terhadap aktiviti pendidikan luar berbanding dengan motivasi intrinsik. Hal ini kerana, sekiranya faktor-faktor motivasi ekstrinsik menguasai diri ia akan menjadi barah bagi yang menjadikannya sebagai pegangan terhadap setiap individu. Teori ini telah dipersetujui oleh Lepper dan rakan-rakannya dalam kajiannya yang bertajuk "Turning Play Into work" pada pertengahan tahun 1975. Menurut mereka, motivasi ekstrinsik boleh menjejaskan motivasi intrinsik. Ganjaran-ganjaran yang diperolehi oleh seseorang individu tidak boleh dijadikan sebagai perkara pokok di dalam penyertaan aktiviti pendidikan luar. Setiap ganjaran mahupun faktor luaran lain yang diperolehi hendaklah dianggap sebagai bonus tambahan yang mempercepatkan lagi peningkatan kemahiran atau prestasi. Hal ini amat dibimbangi jikalau perkara ini dijadikan matlamat utama, ianya akan merosakkan prestasi atau kemahiran individu itu sendiri dalam penglibatannya terhadap aktiviti pendidikan luar. Perkara ini bertepatan dengan hasil kajian apabila mendapati responden memberi tindak balas yang kurang menggalakkan bagi pengaruh hubungan faktor luaran terhadap aktiviti pendidikan luar.

Item 5 dan item 8 menunjukkan nilai min yang tinggi bagi faktor motivasi ekstrinsik. Responden bersetuju dengan kenyataan " *Saya meminati kegiatan luar kerana ada peluang menerokai aktiviti luar*" dan " *Saya menyertai kegiatan aktiviti untuk memenuhi masa lapang secara berfaedah*". Daripada data yang diperolehi, responden menunjukkan betapa aktiviti pendidikan luar mempunyai banyak kelebihan yang boleh dikaitkan dengan kehidupan seharian mereka. Responden menyedari dengan menyertai aktiviti pendidikan luar mereka akan memperoleh pelbagai ilmu dan pengalaman baru supaya dapat digarapkan ilmu tersebut apabila mereka ditempatkan di sekolah kelak. Selain itu jelas menunjukkan mereka bijak untuk memilih dan meluangkan masa dengan pelbagai aktiviti yang lebih bermanfaat. Program pembentukan motivasi secara lansung seperti pembentukan imej sendiri positif, ketahanan emosi dan pemikiran kreatif akan dapat mengatasi sikap individu yang kurang yakin terhadap dirinya sendiri. Apabila pelajar dapat menggabungkan keupayaan mental, pengetahuan dan kemahiran dengan baik maka prestasinya akan terus meningkat.

Item-item lain yang kebanyakannya menunjukkan responden kurang terpengaruh dengan faktor luaran seperti untuk mendapatkan pujian, dorongan mahupun ganjaran ketika mereka menyertai aktiviti pendidikan luar. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan nilai min yang sederhana di mana responden lebih teransang untuk menyertai aktiviti pendidikan luar dengan minat yang lahir dari mereka sendiri tanpa perlu sebarang paksaan, untuk mendapat pujian mahupun memperoleh ganjaran yang lumayan.

Dapatan kajian ini disokong oleh Harackiewicz dan Elliot (1993). Mereka berpendapat bahawa sebarang tujuan adalah bergantung kepada pencapaian orientasi di mana individu yang mempunyai motivasi yang tinggi menghasilkan kesan penguasaan jangka panjang berbanding individu yang kurang bermotivasi.

Dapatan ini juga berlainan dengan kajian yang dilakukan oleh Yusof Ismail (1989), yang menyatakan pelajar yang melibatkan diri dalam sukan dan mendapat dorongan yang lebih daripada jurulatih menjadi lebih peka pada persekitaran serta menunjukkan perbezaan dalam mutu pencapaian

Dapatan ini tidak disokong oleh Muhammad Rafee (1990), di mana faktor luaran seperti rakan sebaya, aktiviti yang diadakan mempengaruhi penglibatan mereka dalam aktiviti pendidikan luar.

Rujukan

- Azizah Nordin (1990). *Masalah Dalam Pelaksanaan Aktiviti Kurikulum*, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Barron (2001). *"Achievement Goal and Optimal Motivation : Testing Multiple Goal Models"*. New York
- Cofer. (1972). *Motivation and Emotion*. Scott Foresman : Glenview
- Cox, R.H. (1998). *Sport Psychology: Concept and application* Edisi 4. Boston: WCB McGraw-Hill
- Deci, E.L & Ryan, R.M (1985). *Intrinsic Motivation and Self Determination in Human Behavior*. New York, NY: Plenum Press.
- Gill, D.L, Gross, J.B & Huddleston, S (1983). *Participation motivation in Youth Sports*. International Journal of sport psychology, 14, 4-14
- Habibah Elias (1993) '*Latihan Motivasi Pencapaian dan Kesannya Ke Atas Prestasi Peperiksaan, Kebiasaan Belajar dan Sikap Pelajar-Pelajar Peringkat Universiti*'. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Rafee (1990), *Mengkaji Faktor-Faktor Mahasiswa Dan Mahasiswi Program Sarjana Muda Sains Dengan Pendidikan Dalam Kegiatan Luar Bilik Kuliah*: Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ramlah Jantan dan Mahani Razali 2002. *Psikologi Pendidikan*. Pendekatan Kontemporori. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Shaharudin Abd Aziz 2001. *Mengaplikasi Teori Psikologi Dalam Sukan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Singer, R.N 1984, *Motivation In Sport*. *International Journal Of Sport Psychology*, 8, 40-62, Florida U.S.A:Sport Consultant International, Inc